

15 FEB 1997

MALAM AMAL AIDS KUMPUL RM33,000

SEREMBAN, 15 Feb (Bernama) -- Sejumlah RM33,000 berjaya dikumpulkan pada majlis Malam Amal AIDS yang berlangsung di Allson Klana Resort di sini malam tadi.

Penolong Setiausaha majlis berkenaan Nur Ikhwan Abdullah berkata, sumbangan itu akan diserahkan kepada Yayasan AIDS Malaysia bagi membantu pertubuhan terbabit dalam menangani gejala penyakit AIDS di negara ini.

Pemangku Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan Tunku Naquiyuddin dan isteri Tunku Nurul Hayati adalah antara 300 dif pada majlis itu.

Turut hadir ialah Bendahari Kehormat Majlis AIDS Malaysia A. Vaithalingam yang juga Pemegang Amanah Yayasan AIDS Malaysia sebagai mewakili Presiden yayasan itu Puan Marina Mahathir.

Majlis itu anjuran bersama Jabatan Kesihatan Negeri, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri, polis dan MIC Bahagian Jelevu. -- BERNAMA

RP NMO